



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SIARAN MEDIA

PEMBELAJARAN FLEKSIBEL KUNCI PENDIDIKAN MASA DEPAN

Pendekatan 'satu saiz untuk semua' dalam pendidikan tinggi sudah tidak relevan dalam memenuhi keperluan pelajar pada masa kini dan masa depan.

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, dalam dunia pendidikan tinggi konvensional sering wujud konflik antara fleksibiliti dalam pendidikan dan keperluan untuk mempertahankan kualiti serta piawaian tertentu.

Bagaimanapun, katanya, sinergi antara fleksibiliti dan kualiti penting kerana fleksibiliti membolehkan kita menyesuaikan diri dengan dinamik pembelajaran masa hadapan.

"Pembelajaran masa depan memerlukan kita untuk menunjukkan daya tahan dan ketangkasan semasa kita mengharungi pelbagai cabaran.

"Oleh sebab itu, masa depan pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia memerlukan fleksibiliti pembelajaran lebih berstruktur yang mampu meningkatkan ketahanan kita terhadap pendidikan masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Agensi Kelayakan Malaysia 2023 (MQAIC 2023) di Kota Kinabalu, hari ini.

Persidangan dua hari itu dihadiri 300 orang peserta terdiri daripada pakar jaminan kualiti, pembuat dasar, ahli akademik, pegawai bahagian jaminan kualiti IPT, pemain industri dari United Kingdom, Jerman, Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Hong Kong, Taiwan, China dan Indonesia.

Mohamed Khaled berkata, semasa bergerak ke arah amalan pendidikan yang lebih fleksibel, pelarasan struktur jaminan kualiti aktiviti pembelajaran dan kebolehpindahan kelayakan perlu diwujudkan.

Sebagai contoh, katanya, perlu wujud penandaarasan kualiti berbeza antara pembelajaran konvensional, pembelajaran dalam talian, hibrid serta antara *macro-credentials* dan *micro-credentials*.

Katanya, beliau melihat potensi besar dalam pembangunan kelayakan *micro-credentials* yang melangkaui faedah ekosistem *upskilling* dan *reskilling*.

"Sehubungan itu, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia boleh mengambil kelebihan kerjasama dengan industri untuk menghasilkan produk pendidikan yang membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan seterusnya menawarkannya kepada pelajar antarabangsa pada masa akan datang.

"Kini, terdapat perkembangan yang sangat positif terhadap penawaran *micro-credentials* oleh IPT tempatan serta program *upskilling* dan *reskilling* yang dipromosikan oleh kerajaan dan pihak industri," katanya.

YB Menteri menambah, MQA juga telah menerbitkan beberapa garis panduan untuk menyokong kebolehpindahan, kebolehan timbunan dan pengumpulan pembelajaran ke arah penganugerahan kelayakan bertauliah MQA.

Beliau berkata, *micro-credentials* mampu menyokong kelestarian pembelajaran sepanjang hayat, terutama bagi mereka yang bekerja dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang fleksibel.

"Inisiatif ini juga boleh membantu usaha kerajaan untuk melahirkan lebih tenaga mahir dan bakat tempatan yang berkecayaan, namun banyak lagi yang perlu diterokai dan diperbaharui untuk laluan pembelajaran fleksibel di Malaysia.

"KPT sedang meneliti setiap dasar dan kerjasama strategik untuk menyokong aspirasi kerajaan untuk melahirkan masyarakat madani yang berilmu dan sejahtera," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Prof. Dr. Azlinda Azman; Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof. Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran; serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti) MQA, Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh Mohamed Sahari yang juga Pengerusi MQAIC 2023.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
07 November 2023